



Budaya Membaca di Era Pasca-Moden

UHS1022 -77

FALSAFAH DAN ISU SEMASA

Kumpulan 2

Lecturer: Dr. Mohd Farhan Md Ariffin

NAMA AHLI KUMPULAN

Tee Ng Zikang

Tay Wei Jian

Tham Chuan Yew

Lai Yee Jen

Ang Wan Xin

ISI KANDUNGAN

BIL	TAJUK	M/S
1.	ISI KANDUNGAN	2
2.	Pengenalan	3
3.	Definisi	
4.	Faktor	
5.	Kesan	
6.	Cara	
7.	Kaitan isu dengan falsafah, FPN dan rukun negara	
8.	Kesimpulan	
9.	Rujukan	

PENGENALAN

Pada era pasca-modern ini, kemunculan peralatan elektronik dan gadget-gadget membawa perubahan terhadap budaya membaca yang menggunakan sumber bahan bacaan dalam bentuk fizikal. Kemunculan teknologi-teknologi yang canggih telah menjadikan budaya membaca melalui bahan bacaan fizikal seperti buku, majalah dan akhbar menjadi runtuh dan digantikan oleh bahan bacaan digital seperti e-buku dan berita atas talian malah menyebabkan budaya membaca diabaikan oleh sesetengah masyarakat kerana kemudahan dan hiburan yang ditawarkan oleh teknologi-teknologi tersebut. Sebagai contoh, hiburan seperti media sosial, permainan dan video mudah menjadikan masyarakat mengabaikan budaya membaca dalam kehidupan seharian. Fenomena ini telah menjadikan budaya membaca semakin dikurangkan malah dipinggirkan oleh masyarakat. Walaubagaimanapun, sumber bahan bacaan digital yang dalam atas talian juga membantu menggalakkan budaya membaca diamalkan kerana kemudahan dan penjimatan masa serta tenaga yang diberikan oleh teknologi. Hal ini kerana teknologi membantu pengguna mengakses maklumat dengan cara yang mudah dalam masa yang singkat berbanding dengan sumber bahan bacaan fizikal seperti perpustakaan awam. Oleh itu, budaya membaca di era pasca-modern menghadapi banyak cabaran yang ditawarkan oleh teknologi digital tetapi juga dipupuk melalui kemudahan yang ditawarkan oleh teknologi digital semasa mengakses maklumat, ilmu pengetahuan dan bahan bacaan melalui internet.

DEFINISI

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010, “baca” didefinisikan sebagai melihat isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan cara meneliti dan memahami makna dan tujuan isi tersebut manakala “budaya” didefinisikan sebagai peradaban yang berkaitan dengan kemajuan fikiran atau akal budi. Budaya membaca boleh dikatakan sebagai peradaban yang memahami sesuatu yang tertulis dengan teliti bagi kemajuan fikiran. Membaca merupakan suatu amalan yang mulia dan merupakan jambatan ilmu bagi manusia.

FAKTOR

Ilmu pengetahuan adalah sangat penting dalam dunia globalisasi ini dan cara memperoleh ilmu pengetahuan melalui budaya membaca juga banyak dipupuk oleh pihak kerajaan terhadap rakyat negara terutamanya golongan muda yang dapat menjadi tonggak negara dalam pelbagai bidang. Walaubagaimanapun, budaya membaca semakin meruntuh dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya dalam golongan muda. Persoalannya, apakah faktor-faktor yang menyebabkan budaya membaca semakin meruntuh dalam kalangan rakyat Malaysia.

Faktor utama yang menjadi kekangan dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan rakyat adalah faktor persendirian. Sikap rakyat adalah penting dalam menjayakan usaha untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan rakyat. Kebanyakan rakyat terutamanya generasi muda tidak mempunyai minat dan motivasi untuk mengamalkan budaya membaca dalam kehidupan seharian. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan golongan muda lebih gemar menggunakan masa mereka dalam aktiviti-aktiviti yang tidak mendatangkan faedah terhadap kehidupan mereka. Sebagai contoh, budaya melepak dan bermain di pusat hiburan adalah aktiviti-aktiviti yang tidak mendatangkan faedah kepada golongan remaja. Walaubagaimanapun, kebanyakan golongan muda masih menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut kerana dapat mendatangkan keseronokan kepada mereka berbanding dengan pelajaran yang menjadi beban kepada mereka. Oleh itu, faktor persendirian adalah faktor yang utama dalam menjadikan budaya amalan dalam kalangan rakyat semakin meruntuh.

Faktor lain yang menjadi kekangan dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan rakyat adalah faktor sekeliling. Hal ini dikatakan demikian kerana pengaruh dari sekeliling adalah penting dalam menggalakkan rakyat untuk mengamalkan budaya membaca dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, pengaruh rakan sebaya, ibu bapa dan pendidik memberikan pengaruh yang signifikan. Rakyat lebih mudah untuk mengamalkan budaya membaca apabila orang di sekeliling mereka juga mengamalkan budaya membaca seperti membaca surat khabar setiap hari. Di sebaliknya, rakyat sukar dapat mengamalkan budaya membaca sekiranya orang di sekelilingnya mengamalkan budaya negatif seperti budaya hedonisme. Oleh itu, faktor sekeliling adalah penting dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan rakyat.

Faktor lain yang menjadi kekangan dalam memupuk budaya membaca adalah kemudahan sumber bahan bacaan. Kemudahan sumber bahan bacaan seperti perpustakaan awam kurang diwujudkan dalam komuniti. Hal ini telah menyebabkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan budaya membaca dan tempat yang membolehkan masyarakat untuk membaca buku menjadi kurang. Perpustakaan awam patut dibina supaya dapat menyediakan suasana yang kondusif dan sumber bahan bacaan yang berkualiti kepada masyarakat agar mereka dapat mengamalkan budaya membaca.

Terdapat juga faktor perkembangan teknologi yang menyebabkan budaya membaca semakin runtuh dalam kalangan rakyat. Hal ini dikatakan demikian kerana kemunculan gajet dan media sosial menjadikan kebanyakan rakyat menggunakan masa dalam penggunaan gajet. Sebagai contoh, masa penggunaan media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram dalam kalangan rakyat terutamanya golongan muda adalah lebih daripada sejam menyebabkan mereka menggunakan kurang masa dalam membaca atau tidak membaca. Kesannya, budaya membaca dalam kalangan rakyat akan menjadi semakin lemah dan akhirnya digantikan oleh budaya melayari media sosial. Oleh itu, faktor perkembangan teknologi adalah faktor yang penting menyebabkan isu budaya membaca berlaku.

Kesimpulannya, terdapat banyak faktor yang menyebabkan budaya amalan membaca semakin runtuh dalam kalangan rakyat terutamanya dalam golongan muda. Masyarakat dan pihak kerajaan patut bekerjasama untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan masyarakat supaya dapat mewujudkan masyarakat yang berilmu pengetahuan dan berpendidikan tinggi agar kemajuan dan kemakmuran negara dapat terjamin.

KESAN

Amalan membaca merupakan amalan yang mulia. Hal ini demikian kerana amalan membaca memberikan banyak implikasi positif kepada masyarakat sejak dahulu lagi. Hal ini benar apabila wahyu pertama yang diturunkan oleh Allah S.W.T. kepada Nabi Mohammad S.A.W. menyeru umat Islam untuk membaca. Selain itu, amalan membaca juga dipraktikkan oleh masyarakat Barat semasa zaman Renaissance untuk memajukan negara mereka. Oleh itu, pihak kerajaan Malaysia juga menyedari kepentingan amalan membaca kepada pembangunan negara. Justeru, pihak kerajaan Malaysia telah mengambil pelbagai alternatif untuk menyemarakkan amalan membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan ialah anjuran kempen kesedaran amalan membaca, Program membaca buku sempena Hari Membaca Buku, dan pemberian kupon membeli buku kepada anak-anak muda. Namun begitu, alternatif yang dilakukan tidak memberikan impak yang efektif dalam membentuk budaya membaca. Budaya membaca kini turut telah berubah apabila media massa telah berkembang pesat. Budaya membaca tidak lagi terhad kepada bahan bacaan yang berbentuk fizikal malah bahan bacaan kini telah berubah kepada bentuk digital. Selain itu, jenis bahan bacaan juga telah menjadi lebih menyeluruh dan menarik. Namun demikian, budaya membaca dalam kalangan anak-anak muda masih rendah. Mereka lebih gemar menikmati rancangan hiburan atau bermain permainan atas talian daripada membudayakan amalan membaca. Kebanyakan daripada anak-anak muda berpendapat bahawa budaya membaca hanya membuang masa dan membosankan sahaja. Perspektif negatif ini telah menyebabkan bilangan purata buku yang dibaca oleh anak-anak muda setiap tahun di Malaysia adalah amat rendah berbanding dengan negara luar. Sebenarnya budaya membaca memberikan banyak implikasi positif kepada masyarakat terutama dalam era-pasca moden yang mencabar ini. Persoalannya, apakah kesan budaya membaca di era pasca-modern kepada masyarakat dan negara.

Kesan dominan budaya membaca di era-pasca moden adalah meningkatkan tahap pengetahuan masyarakat. Hal ini demikian kerana budaya membaca dapat meningkatkan pengetahuan serta mencernakan minda masyarakat. Anak-anak muda akan terdedah dengan pelbagai jenis ilmu pengetahuan. Hal ini jelas kerana pelbagai jenis maklumat dan ilmu dapat diketahui dan dipelajari dengan melayari internet. Segala ilmu pengetahuan boleh didapati di hujung jari anak-anak muda. Bahan-bahan bacaan tersebut juga melibatkan pelbagai bidang seperti

bidang perubatan, bidang kosmetik, bidang pertanian dan bidang teknologi dan maklumat. Oleh itu, tahap pengetahuan masyarakat dapat ditingkatkan sekiranya mereka memanfaatkan media elektronik untuk membudayakan amalan membaca. Selain itu, pelbagai informasi yang terdapat dalam media elektronik adalah bersifat global. Hal ini demikian kerana anak-anak muda bukan sahaja dapat mempelajari ilmu tempatan malah mereka juga akan terdedah dengan ilmu hasil kajian daripada ilmuwan negara luar. Hal ini bererti anak-anak muda dapat memperluaskan minda mereka. Impaknya, masyarakat yang berpengetahuan luas dapat dibentuk. Seterusnya, pembangunan negara dapat dijanakan. Dengan itu, jelaslah kita lihat bahawa budaya membaca di era-pasca penting untuk meningkatkan tahap pengetahuan masyarakat.

Tirai perbincangan kita diteruskan dengan menghalusi impak budaya membaca di era-pasca moden yang seterusnya adalah melahirkan masyarakat yang berfikiran matang. Hal ini adalah benar kerana amalan membaca dapat membentuk kepribadian diri yang mulia. Mereka akan berfikir sebelum melakukan sesuatu keputusan. Hal ini bermakna mereka akan menilai impak sesuatu Tindakan tersebut kepada mereka sebelum Tindakan tersebut diambil. Selain itu, budaya membaca dapat membentuk kematangan masyarakat kerana mereka dapat meneliti dan menganalisis kebenaran sesuatu isu tersebut. Hal ini adalah amat penting kerana jika seseorang tersebut tidak dapat menganalisis dan meneliti sesuatu isu, maka pelbagai masalah akan timbul. Sebagai contoh, sekiranya seseorang tersebut tidak memahami informasi yang disampaikan, maka mereka mudah memutarbelitkan informasi yang ingin disampaikan serta menimbulkan salah faham antara pelbagai pihak. Hal ini juga menjadi lebih serius apabila mereka menyebarkan informasi palsu tersebut kepada orang lain. Hal ini pasti akan menimbulkan perselisihan faham dan pertengkaran yang lebih serius. Oleh itu, budaya membaca yang diamalkan penting untuk melahirkan individu yang berfikiran matang. Sementelahan pula, budaya membaca juga dapat membolehkan seseorang individu tersebut menguruskan masalah yang dihadapi dengan rasional dan tenang. Mereka dapat menenangkan fikiran mereka serta menyelesaikan masalah tersebut secara kreatif, kritis dan inovatif. Hal ini juga bererti mereka bukan sahaja tidak mudah berputus asa apabila menghadapi cabaran, malah mereka dapat menguruskan masalah tersebut secara bijak. Dengan itu, generasi muda yang berkaliber dapat dilahirkan. Pembangunan negara juga dapat dijanakan. Dengan itu, jelaslah kita lihat bahawa budaya membaca di era-pasca penting untuk melahirkan masyarakat yang berfikiran matang.

Sementelahan pula, kemaslahatan budaya membaca di era pasca-moden adalah melahirkan generasi muda yang berdaya saing. Hal ini demikian kerana anak-anak muda dapat mengetahui sesuatu informasi dengan tepat tanpa mengira waktu dan tempat. Hal ini membolehkan anak-anak muda untuk mempelajari kemahiran dan pengetahuan yang terbaru. Seterusnya, anak-anak muda juga dapat mempraktikkan kemahiran atau ilmu yang dipelajari dalam kehidupan seharian. Selain itu, ilmu pengetahuan yang dipelajari juga boleh menyumbang kepada pembangunan negara Malaysia apabila anak-anak muda telah mendalami serta melakukan inovasi terhadap ilmu atau kemahiran yang dikuasai. Hal ini pasti dapat meningkatkan daya saing negara serta mengharumkan nama baik negara. Sebagai contoh, teknologi terkini telah diaplikasikan oleh pelbagai sektor dalam menghadapi pandemik Covid-19 yang melanda dunia. Hal tersebut bukan sahaja telah meningkatkan daya saing pelbagai sektor malah teknologi yang diaplikasikan juga telah mengurangkan kerugian yang dihadapi oleh syarikat. Selain itu, ilmu ubah suai genetic (GMOs) yang dipelajari telah diadaptasikan untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti hasil pertanian Malaysia seperti nanas. Hal ini telah membolehkan tanaman pertanian Malaysia mempunyai ketahanan yang lebih tinggi terhadap penyakit dan cuaca klimaks malah kuantiti hasil juga telah bertambah. Hal ini juga telah meningkatkan sumber pendapatan negara dalam bidang pertanian. Seterusnya, daya saing negara juga dapat ditingkatkan. Hal ini telah menjelaskan bahawa budaya membaca terutama dalam era pasca-moden dapat melahirkan generasi muda yang berdaya saing.

Kesimpulannya, budaya membaca di era pasca-moden memberikan banyak implikasi yang positif kepada masyarakat serta negara. Oleh itu, pelbagai pihak haruslah bergandingbahu bagi aur dengan tebing bagi menyuburkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat bagi membangunkan negara Malaysia. Sekiranya, setiap pihak memainkan peranan secara efektif, usaha untuk melahirkan generasi muda yang membudayakan amalan membaca pasti dapat dijayakan. Seterusnya, sebagai mahasiswa, kita wajarlah mempunyai tahap kesedaran yang tinggi untuk membudayakan amalan membaca kerana kita merupakan aset atau tonggak negara. Sekiranya budaya membaca bercambah kukuh dalam diri kita, maka negara Malaysia dapat menjanakan transformasi serta mencapai kemajuan. Dengan itu, marilah kita menyahut seruan kerajaan untuk membudayakan amalan membaca bagi membangunkan negara Malaysia yang tersayang.

CARA

Budaya membaca telah banyak dipraktikkan dalam beberapa negara begitu juga dengan negara kita. Namun, budaya membaca dalam negara kita masih rendah berbanding dengan negara lain. Kajian menunjukkan bahawa secara purata rakyat Malaysia hanya membaca dua buah buku setahun. Negara kita yang sedang pesat membangun memerlukan rakyat yang berpengetahuan tinggi untuk maju setanding dengan negara maju di dunia. Oleh itu, terdapat beberapa langkah untuk mempraktikkan dan mengamalkan budaya membaca di era pasca-moden.

Antara langkah ialah ibu bapa haruslah memupuk budaya membaca dan mendidik anak mereka sejak kecil lagi. Hal ini demikian kerana ibu bapa merupakan orang yang paling terdekat kepada anak dan segala perlakuan yang dilakukan oleh ibu bapa akan diikuti oleh anak mereka. Bak kata pepatah, bagaimana acuan begitulah kuihnya. Ibu bapa perlulah memupuk budaya membaca dan menjadi suri teladan kepada anak mereka supaya anak-anak akan dipengaruhi dengan budaya membaca. Ibu bapa juga perlulah mendidik anak mereka membaca sejak kecil lagi seperti melentur buluh biarlah dari rebungunya. Contohnya, ibu bapa perlulah mewujudkan ruang pembacaan dan bahan bacaan yang bermutu kepada anak-anak. Jika anak-anak dididik dengan budaya membaca sejak kecil, mereka dapat dan mudah mengamalkan amalan membaca berbanding dengan apabila menjadi dewasa dan mula memupuk. Dengan ini, budaya membaca dapat dipraktikkan dalam kalangan generasi muda sejak kecil di era pasca-moden ini.

Selain itu, pihak kerajaan juga perlu melaksanakan kempen kesedaran tentang budaya membaca dalam kalangan masyarakat di merata-rata tempat. Hal ini demikian kerana masih terdapat segelintir masyarakat tidak mengetahui kebaikan membaca. Oleh itu, pihak kerajaan perlulah melaksanakan kempen tertentu bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang konsep budaya membaca dan juga kebaikannya. Misalnya, pihak kerajaan boleh mengadakan kempen membaca sekali sebulan di tempat awam dan dalam kempen tersebut patutlah mempunyai aktiviti-aktiviti yang menarik serta berkaitan dengan budaya membaca. Dengan ini, kempen tersebut dapat menarik perhatian masyarakat untuk menyertai dan seterusnya mempelajari dan memupuk budaya membaca. Justeru, pihak kerajaan perlulah mengadakan kempen kesedaran seringkali di merata-rata tempat bagi memupuk budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

Di samping itu, pihak sekolah patutlah menjalankan aktiviti-aktiviti atau program yang berkaitan dengan budaya membaca. Contohnya, pihak sekolah bolehlah menganjurkan aktiviti seperti “Minggu Budaya Membaca”. Dalam aktiviti tersebut, pihak sekolah boleh menjalankan aktiviti-aktiviti kecil seperti membaca selama 10 minit, buku pameran yang menjual bahan bacaan yang banyak dan berkualiti dan sebagainya. Dengan ini, pelajar dapat ditarik perhatian dan memupukkan budaya membaca. Pihak sekolah juga perlu menjalankan program NILAM yang dilaksanakan oleh kerajaan dengan lebih berkesan dengan memastikan semua pelajar telah menjayakan. Hal ini demikian kerana program tersebut memerlukan pelajar membaca buku dan membuat sinopsis terhadap buku yang dibaca. Oleh itu, pelajar dapat memupukkan budaya membaca. Dengan ini, aktiviti atau program yang dijalankan oleh pihak sekolah dapat memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar.

Langkah seterusnya bagi memupuk budaya membaca ialah melalui media massa dan media sosial. Hal ini demikian kerana pada masa ini, masyarakat kita dipenuhi dan dimajukan dengan alat-alat media massa dan media sosial. Ini boleh dikatakan dalam 10 orang terdapat 7 atau 8 orang yang mempunyai media sosial dan menggunakan media massa. Oleh itu, pihak media-media perlulah membayangkan atau menyampaikan maklumat-maklumat tentang budaya membaca melalui Internet, surat khabar, majalah ataupun e-book. Mereka boleh memaparkan iklan tentang budaya membaca dan dalam iklan tersebut menyeru masyarakat rajin membaca. Media sosial boleh mengadakan aktiviti membaca dengan menggalakkan masyarakat membaca melalui aplikasi tertentu dan memberikan hadiah yang lumayan kepada masyarakat yang berjaya membaca selama dua minggu, satu bulan dan seterusnya. Dengan ini, masyarakat akan mempraktikkan budaya membaca dari semasa hingga semasa. Justeru, dengan melalui media massa dan media sosial, budaya membaca dapat dipupuk dalam kalangan masyarakat.

Kesimpulannya, terdapat banyak langkah untuk memupuk budaya membaca pada era pasca-moden ini. Perkara yang terpenting ialah masyarakat haruslah menghayati dengan program-program yang dijalankan. Tanpa masyarakat, langkah-langkah yang dijalankan tidak akan mempunyai apa-apa kesan tertentu. Marilah kita bersama memupuk budaya membaca sejak hari ini.

KAITAN ISU DENGAN FALSAFAH, FPK dan RUKUN NEGARA

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) telah diperkenalkan dan mendatangkan perubahan yang signifikan kepada sistem pendidikan negara Malaysia. Matlamat utama FPK adalah untuk dijadikan sebagai bimbingan terhadap tindakan dan perubahan sistem pendidikan pada masa depan supaya insan yang sempurna seperti berilmu pengetahuan, berakhlak mulia dan memiliki sahsia yang seimbang dapat dilahirkan melalui sistem pendidikan yang efisien. Unsur-unsur insan yang dipentingkan dalam FPK adalah seperti unsur intelek, unsur rohani, unsur emosi dan unsur jasmani. Antaranya, budaya membaca adalah berkaitan dengan unsur intelek yang dirangkumi dalam FPK. FPK bertujuan untuk melahirkan insan yang mempunyai kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira dari segi intelek. Selain itu, insan-insan juga perlu berfikiran secara kreatif dan mempunyai ilmu yang benar. Oleh itu, budaya membaca adalah sangat penting supaya membolehkan insan-insan yang dilahirkan mempunyai kemahiran untuk memperoleh ilmu yang benar supaya mereka dapat menggunakan ilmu yang didapati dari bahan ilmiah untuk berfikir secara rasional dan kritikal. Demi membentuk budaya membaca dalam kalangan genrasi muda, pihak sekolah menyediakan suasana yang kondusif supaya dapat melahirkan pelajar-pelajar yang mencintai ilmu.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, budaya membaca telah banyak dibangkitkan namun masih perlu dipraktikkan oleh semua rakyat dari semasa hingga ke semasa. Budaya membaca hanya akan memberikan kebaikan sahaja kepada seseorang tersebut, masyarakat dan juga negara. Oleh itu, setiap rakyat ataupun individu haruslah mempunyai kesedaran tentang budaya membaca dan sentiasa mengamalkannya. Beberapa langkah juga haruslah dijalankan bagi mempraktikkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat. Dengan ini, masyarakat dapat berpengetahuan tinggi dan manjadi seseorang yang beretika dan seterusnya negara dapat diperkembangkan.

RUJUKAN

1. Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010
2. Risanur, Artikel Langkah Memupuk Amalan/Budaya Membaca, 26 Mac 2012
<https://kempenbaca.wordpress.com/>
3. Arthur, Beatrice. (2018). Exploring the Effects of Social Media on the Reading Culture of Students in Tamale University.
4. Boon, Yusof & Salamat, Mohd. (2010). Budaya Membaca Dalam Kalangan Pelajar – Pelajar 4 SPH Program Khas Pensiswazahan Guru Universiti Teknologi Malaysia.
5. Adnan, M.F., Hamzah, R.B., & Udin, A. (2010). Implikasi falsafah pendidikan kebangsaan dalam pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia.
6. Tanjung, Firima Z. & Ridwan, Ridwan & Gultom, Uli. (2017). READING HABITS IN DIGITAL ERA: A RESEARCH ON THE STUDENTS IN BORNEO UNIVERSITY. LLT Journal: A Journal on Language and Language Teaching. 20. 147-157.